

TERMA RUJUKAN

PROGRAM PEMBIAYAAN SENI PERSEMBAHAN CENDANA

TEMPOH PERMOHONAN

Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Pemohon Dimaklumkan	Program Bermula
28 Julai 2020	27 Ogos 2020	28 September 2020 seterusnya	Pertengahan Oktober 2020 seterusnya

Apakah Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA?

Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA (“Program”) bertujuan untuk menyokong pembangunan sektor seni persembahan melalui inisiatif yang menyokong penciptaan karya, penyelidikan dan pembangunan amalan seni, membina jaringan, penganjuran projek seni persembahan, inisiatif peningkatan kemahiran, mobiliti serta usaha mempromosikan karya-karya persembahan hasil seniman Malaysia.

Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA memberikan sokongan kepada individu, kolektif dan organisasi seni di Malaysia untuk penganjuran program-program artistik ataupun perkhidmatan kepakaran untuk sektor seni. Program ini menyediakan pembiayaan sehingga **RM30,000 setiap permohonan** untuk penganjuran serta pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang mungkin merangkumi salah satu atau mana-mana **kriteria yang disenaraikan di bawah bermula dari tempoh pertengahan bulan Oktober 2020**.

Program ini bertujuan untuk mempromosi naratif dan kreativiti Malaysia, menggalakkan dialog yang memupuk nilai hormat-menghormati terhadap perbezaan nilai dan pegangan seseorang individu mahupun kumpulan, memperkaya nilai kemanusiaan dengan meluaskan fahaman terhadap diri kita sebagai individu dan sebagai sebahagian daripada masyarakat.

Program ini terutamanya menyokong:

- **Penyelidikan, pengembangan dan penciptaan karya** (dengan tujuan ataupun perancangan yang akan dijadikan persembahan secara fizikal atau digital);
- **Produksi, persembahan dan pameran karya** di Malaysia atau di luar negara (pertunjukan, produksi, konsert dan persembahan dalam ruang <500 orang atau di ruang awam);
- **Program jangkauan seni** (usaha kolaborasi antara sektor yang menyokong dan melengkapkan sektor seni seperti bengkel terapi seni, program untuk pelbagai demografi dan banyak lagi);
- **Pengembangan kemahiran dan profesional** (menghadiri dan/ atau menganjurkan bengkel, program residensi, latihan, persidangan, forum industri serta acara rangkaian dan banyak lagi).

Projek yang dicadangkan mestilah (jika berkenaan):

- Terbuka kepada orang awam;
- Memberi faedah pembangunan yang ketara untuk seniman Malaysia dan mempersembahkan seni yang berkualiti tinggi kepada masyarakat;
- Sekiranya berkenaan, disokong dengan rancangan pemasaran dan promosi;
- Sekiranya terdapat usahasama kolaborasi di antara pelbagai sektor atau disiplin seni, program tersebut dikehendaki bertumpu kepada amalan seni persembahan yang akan menyumbang kepada pengembangan sektor seni Malaysia;

TERMA RUJUKAN

- Projek diselesaikan dalam tempoh yang tidak melebihi dua belas (12) bulan dari tarikh kelulusan pendanaan.

Program ini menyokong pelbagai genre seni persembahan seperti yang disenaraikan di bawah:

Seni Persembahan (Tradisional/ Kontemporari)
<ul style="list-style-type: none"> • Teater • Tarian • Komedi • Teater muzikal • Persembahan ensemble • Puisi lisan • Seni persembahan tradisional • Kolaborasi usahasama di antara pelbagai sektor atau disiplin seni yang bertumpu kepada amalan seni persembahan

Program Pembiayaan CENDANA diperkenalkan untuk memberikan sokongan dan menyediakan dana dan bantuan kewangan, dalam bentuk geran bersyarat kepada individu, kolektif, pertubuhan atau organisasi seni yang diperbadankan dan berdaftar di Malaysia untuk merealisasikan projek-projek yang menarik.

Projek yang dicadangkan mestilah mematuhi garis panduan Perintah Kawalan Pergerakan, larangan berkumpul sepertimana yang telah diarahkan oleh kerajaan persekutuan atau negeri atau dalam ruangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti penjarakan sosial, perhimpunan beramai-beramai dan standard prosedur operasi bagi sesuatu acara.

Apakah yang disokong di bawah Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA?

Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA menyediakan pembiayaan sehingga RM30,000 bagi setiap permohonan untuk kos yang berikut:

Perbelanjaan Yang Layak	Perbelanjaan Tidak Layak
Yuran Profesional	
<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran/ kolaborator profesional (iaitu produser, pengurus projek, koreografer, pengarah, artis, komposer, pengurus pentas, penulis lirik, penulis skrip, dramaturg, adiguru tradisional, komuniti orang asli, penceramah/ instruktur/ penganjur dll.) • Kos untuk penterjemah / transkripsi (Bahasa: Inggeris, Bahasa Malaysia, Mandarin dan Tamil sahaja) • Bayaran untuk videografi/ fotografi • Kos untuk membolehkan karya anda dipersembahkan di platform digital (iaitu 	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian kelengkapan (seperti laptop, tablet, pencetak, perabot dsb.) • Pembelian/ naik taraf peranti • Kos Perbelanjaan operasi (Gaji, sewaan ruang, bayaran pentadbiran, dsb.) • Kos katering (perbelanjaan makanan dan minuman) • Renovasi dan pengubahsuaian (membesarkan ruang, baiki kebocoran air dsb) • Permit dan lesen

TERMA RUJUKAN

<p>pereka web, penyuntingan video, penyalin, ilustrator dll.)</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penambahbaikan platform atas talian¹ <p>Nota: Bayaran mesti relevan dan berdasarkan purata kadar pasaran. Permintaan kadar profesional perlu disokong oleh pengalaman dan latar belakang industri mereka. Semua bayaran yang diminta akan memerlukan penyampaian profil dan kerja sokongan yang relevan.</p> <p>Sila ambil maklum bahawa Pendanaan tidak menggantikan gaji sepenuh masa dan tidak bertujuan untuk menjadi satu-satunya pendapatan sepanjang tempoh pendanaan.</p>	
Sokongan Teknikal dan Ruang dan Bahan	
<ul style="list-style-type: none"> • Kos yang diperlukan untuk produksi/ persembahan (iaitu penyewaan sistem bunyi dan kelengkapan audio/ peralatan teknikal, petugas teknikal/ krew, aspek penciptaan dan pemerekaan set, pembuatan atau pembelian prop/ kostum tradisional, dll.) • Sewa ruang/ tempat • Kos untuk bahan (berkaitan dengan penciptaan karya dan/ atau pelaksanaan program/ projek/ persembahan) 	<ul style="list-style-type: none"> • Perbelanjaan operasi (iaitu sewa pejabat bulanan, bil utiliti dll.) • Perbelanjaan modal termasuk penambahbaikan / pengubahsuaian bangunan, pejabat, studio • Pembelian dan peningkatan program <i>software</i> • Pembelian peralatan (iaitu komputer riba, pencetak, alat muzik, mesin dll) • Permit dan lesen acara • Kos katering (makanan dan minuman)
Mobiliti dan Kembara	
<ul style="list-style-type: none"> • Tiket penerbangan pergi/balik • Kos perjalanan pergi dan balik ke dan dari lapangan terbang • Perbelanjaan perjalanan dengan kereta api, bas, atau kereta² untuk raptai dan tempat acara sahaja • Kos pengangkutan kargo untuk pengembaraan (iaitu peralatan, instrumen dll.) • Per diems³ • Penginapan (hanya untuk peserta perjalanan sahaja) 	<ul style="list-style-type: none"> • Yuran Visa dan Pasport • Sokongan perubatan (insurans perjalanan, vaksin) • Cukai kastam untuk penghantaran antarabangsa • Kos katering (makanan dan minuman)

¹ Peningkatan pakej premium untuk jangkauan umum yang lebih luas di platform maya cth: Zoom, GoToMeeting dll.

² Jarak tempuh boleh dituntut pada harga RM0.80 per kilometer dari tempat tinggal anda ke destinasi.

³ Untuk platform yang tidak menyediakan per diems dan hanya untuk jangka masa acara maksimum 10 hari pada harga RM40 sehari untuk perjalanan tempatan dan USD20 sehari untuk perjalanan antarabangsa.

TERMA RUJUKAN

<ul style="list-style-type: none"> Logistik instrumen (penghantaran domestik dan antarabangsa) 	
<p style="text-align: center;">Nota Tambahan untuk Mobiliti dan Kembara</p> <p>Bagi platform atas jemputan, anda mesti memenuhi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Terima jemputan yang telah disahkan daripada rakan antarabangsa/ tempatan, pengusaha tempat, penerbit atau pengarah festival. Menerima ganjaran yang sesuai (iaitu honorarium atau bayaran profesional) untuk persembahan dan dihoskan serta disediakan penginapan antara lain. <p>Bagi projek usaha sendiri, anda mesti memenuhi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Sediakan salinan resit tempahan tempat atau surat pengesahan dari tempat masing-masing di mana persembahan/ karya/ program anda akan dipersembahkan. Semua permit dan lesen / visa yang berkaitan adalah dipohon dan diluluskan. <p><u>Apakah yang anda perlu lakukan sekiranya tidak dapat memperolehi surat pengesahan daripada penganjur semasa proses permohonan?</u></p> <p>Semua permohonan mestilah dihantar kepada CENDANA sebelum tarikh tutup permohonan. Permohonan yang lewat dihantar tidak akan diterima. Sekiranya anda masih lagi menunggu pengesahan daripada rakan/kolaborator, anda dinasihati untuk menghantar permohonan anda sebelum tarikh tutup dan nyatakan degan jelas sebarang maklumat yang masih lagi dalam proses pengesahan. Sebaik sahaja maklumat-maklumat tersebut telah disahkan, sila serahkan maklumat-maklumat tersebut kepada CENDANA (terhad kepada dua (2) minggu selepas tarikh tutup permohonan).</p>	
<p>Pemasaran dan Promosi</p>	
<ul style="list-style-type: none"> Kegiatan pemasaran/ promosi (iaitu bayaran iklan, percetakan jaminan pemasaran, bayaran pereka, media sosial / iklan digital dll.) Kos penterjemahan/ transkripsi dan <i>proofreading</i> (Bahasa: English, BM, Cina dan Tamil) 	<ul style="list-style-type: none"> Domain web dan perkhidmatan pengehosan web Yuran sijil SSL (Secure Sockets Layer) Yuran pengoptimuman enjin carian Search Engine Optimisation fees Perisian seni digital (Adobe Creative Cloud cth. Photoshop, Illustrator, InDesign, Dreamweaver) Perisian sunting video dan grafik (cth. MadMapper, Isadora Troikatronix, HeavyM, Resolume Arena) Yuran simpanan cloud (cth. iCloud, Dropbox) Sebarang jenis peranti simpanan (i.e. USB flash drive) Bayaran get laluan <i>e-commerce</i>
<p>Yuran Penyertaan</p>	
<ul style="list-style-type: none"> Bayaran pendaftaran untuk mengambil bahagian dalam program yang dikenal pasti untuk mendorong penyertaan dalam berbagai peluang pembangunan. 	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran kursus akademik seperti diploma dan ijazah serta lain-lain.

TERMA RUJUKAN

Nota: Sila memberikan perincian bayaran program semasa proses permohonan.

Nota tentang garis panduan transaksi pembayaran

Sila ambil maklum tentang penerima pembiayaan yang telah berjaya tidak boleh terlibat dengan sebarang transaksi pembayaran dengan pihak berkaitan kerana ia akan dianggap tidak boleh dituntut. Untuk tujuan peruntukkan ini, pernyataan “pihak berkaitan” bermaksud tidak terhad kepada syarikat/ organisasi milik penuh dan/ berkaitan dengan penerima pembiayaan.

Siapakah yang boleh memohon untuk Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA?

- Warganegara Malaysia atau organisasi yang berdaftar dengan minimum tiga (3) tahun pengalaman profesional dan memiliki portfolio kerja yang terlibat secara aktif dalam sektor seni persembahan di Malaysia adalah dialu-alukan.
- Sesiapa yang kritikal terhadap pengembangan sektor seni persembahan. Ini adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada artis, koreografer, penari, pengarah, penerbit dan pentadbir seni.
- Pemohonan boleh dibuat oleh individu, kolektif/kumpulan atau organisasi. Walaubagaimanapun, pemohon utama mesti mengambil tanggungjawab pentadbiran sepenuhnya serta terlibat secara aktif dalam keseluruhan proses.

Projek yang dicadangkan oleh entiti yang berasaskan keuntungan mestilah mempunyai manfaat pembangunan yang signifikan terhadap artis independen dan eksperimental tempatan dan menghasilkan hasil kerja yang berkualiti tinggi kepada para audien.

Siapakah yang tidak layak memohon Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA?

CENDANA tidak akan dapat menyokong permohonan anda jika anda:

1. Individu/ Kolektif/ Organisasi:
 - diwujudkan untuk tujuan bukan sekular;
 - tidak memenuhi kriteria yang layak seperti yang ditetapkan;
 - kini menerima penajaan di bawah program pembiayaan yang lain CENDANA atau dari syarikat induknya MyCreative Ventures Sdn Bhd (tidak termasuk Program Pembiayaan Karya Kilat CENDANA);
 - mempunyai laporan penilaian tertunda atau laporan yang belum diserahkan mengenai penggunaan program pembiayaan sebelumnya dari CENDANA atau syarikat induknya MyCreative Ventures Sdn Bhd;
 - jika terdapat sebarang penemuan tidak positif terhadap organisasi semasa proses permohonan.
 - telah dibiayai oleh CENDANA dalam masa tiga (3) tahun berturut-turut

TERMA RUJUKAN

2. Adalah mencadangkan beberapa usaha/ program yang:

- Telah pun dimulakan sebelum masa permohonan atau sebelum proses penilaian permohonan CENDANA selesai;
- Program yang tidak mempunyai komponen seni persembahan yang jelas, termasuk projek yang terutamanya untuk mempromosikan hal ehwal agama;
- Program yang diadakan di tempat keagamaan;
- Program yang tidak memberi manfaat kepada seniman atau pekerja seni budaya;
- Aktiviti yang tidak termasuk di bawah jenis bentuk seni/ sektor seni persembahan;
- Program yang bertujuan khusus untuk akademik atau untuk dibentangkan di bawah naungan sebuah sekolah atau institusi pengajian tinggi dan merupakan sebahagian daripada kurikulumnya;
- Program yang tidak bertujuan untuk kegunaan awam;
- Program yang bertujuan untuk mengutip derma;
- (Jika berkaitan) tidak memperoleh lesen yang berkaitan (cth. kelulusan majlis tempatan atau kelulusan PUSPAL).

Apakah kriteria penilaian untuk Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA?

Pemohon akan dinilai berdasarkan kriteria berikut serta kekuatan bahan sokongan yang diserahkan:

Profil

- Adakah pemohon mempunyai rekod prestasi yang mencukupi untuk projek / kerja masa lalu?
- Adakah pemohon menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk menyampaikan cadangan projek tersebut?
- Adakah pemohon menunjukkan penglibatan aktif dalam sektor seni / seni persembahan Malaysia?

Projek

- Adakah projek / program yang dicadangkan telah dijelaskan dengan jelas?
- Adakah projek / program diusulkan asli / bercita-cita tinggi / mengambil risiko / mempunyai tahap eksperimen / inovatif?
- Adakah projek tersebut dapat menyumbang kepada kepelbagaian sektor seni Malaysia?
- Adakah projek / program dapat mewujudkan akses yang lebih besar ke sektor seni / seni persembahan?

Perancangan

- Adakah pemohon menunjukkan bahawa mereka mempunyai kemampuan untuk menyelesaikan projek yang dicadangkan itu?
- Adakah pemohon telah memberikan perincian yang cukup dalam perincian anggaran dan garis masa yang dicadangkan?
- Adakah pemohon telah memberikan perincian yang cukup mengenai rancangan pemasaran dan promosi mereka?

TERMA RUJUKAN

Sumbangan Kepada Sektor Seni Malaysia

- Adakah projek / program menyumbang ke arah pengembangan dan pertumbuhan dunia seni / seni persembahan Malaysia? (ini boleh dijelaskan melalui inisiatif dalam menangani jurang dalam industri, pengembangan amalan seni persembahan, mewujudkan peluang untuk sektor ini dan banyak lagi)
- Adakah projek / program menunjukkan kemungkinan untuk membangun dan mengembangkan jaringan, mengembangkan pasaran baru atau mewujudkan akses terhadap seni?
- Bersesuaian dengan matlamat CENDANA, adakah projek ini mewujudkan peluang pekerjaan, peningkatan profil seni atau pengembangan untuk semua pihak yang terlibat?

Apakah yang diharapkan daripada pemohon yang berjaya dan proses pelaporan?

Pemohon Yang Berjaya Dikehendaki untuk:
<ul style="list-style-type: none"> • Menyampaikan projek seperti yang dikemukakan dalam permohonan atau kertas cadangan yang diluluskan; • Sentiasa berhubung dengan CENDANA untuk mengemaskini kemajuan projek atau sekiranya terdapat perubahan dalam skop kerja yang dicadangkan; • Untuk meletakkan jenama CENDANA di dalam semua platform komunikasi seperti logo⁴ CENDANA di dalam semua platform publisiti dan pemasaran untuk semua projek yang disokong; • Untuk memastikan semua baucar pembayaran, invois dan resit untuk perbelanjaan projek disimpan sebagai bukti bayaran yang perlu diserahkan kepada CENDANA. Kegagalan untuk menyediakan dokumen sokongan yang diperlukan boleh menjejaskan jumlah pemberian dana.
Proses Pelaporan
<ul style="list-style-type: none"> • Melengkapkan Laporan Kajian Projek (Project Final Report) dan penyiapan Laporan Penilaian Ekonomi CENDANA (Monitoring Survey) dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh penyelesaian program pembiayaan (templat / borang laporan adalah disediakan oleh CENDANA); • Memberi ringkasan perbelanjaan projek berserta dengan bukti perbelanjaan seperti yang diminta oleh CENDANA (resit, invois, baucar pembayaran, dll.); • Untuk mengemukakan sebarang bentuk pengesahan lain – bahan tambahan aktiviti seperti video, foto dan cagaran yang dicipta (jika berkenaan).

Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?

- Anda akan dikehendaki menghadiri mesyuarat bersama pihak CENDANA secara fizikal atau virtual (bergantung kepada lokasi kediaman anda).
- Bergantung kepada kuantum pembiayaan yang diluluskan, pembiayaan anda akan dikeluarkan dalam dua (2) ansuran dalam tempoh dua belas (12) bulan, tertakluk kepada proses pemantauan dan keperluan pelaporan semasa tempoh pembiayaan,

⁴ Butiran dinyatakan dalam perjanjian.

TERMA RUJUKAN

dan akan dikreditkan ke akaun bank organisasi anda atau disediakan dalam bentuk cek.

- Harap maklum bahawa jenis aplikasi yang merupakan organisasi atau persatuan mesti mempunyai akaun bank organisasi yang sah.

Struktur pembiayaan Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA adalah seperti berikut:

Selepas Menandatangani Perjanjian	Laporan Tinjauan Ekonomi
Pembayaran Pertama (40% daripada jumlah yang diluluskan) setelah menandatangani Surat Perjanjian dalam masa 21 hari bekerja.	<p>Pembayaran akhir (baki 60% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja selepas penyerahan dokumen seperti di bawah yang memenuhi semua syarat pelaporan CENDANA:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan Kajian Projek (<i>Project Final Report</i>); • Laporan Penilaian Ekonomi (<i>Monitoring Survey</i>) CENDANA; • Penyata akaun akhir (bukti perbelanjaan seperti resit, baucar pembayaran, invois dll.); dan • Bahan tambahan (foto, video, cagaran dibuat jika berkenaan).

Laporan-laporan di atas akan memberikan CENDANA maklumat-maklumat yang berharga dalam memantau prestasi dan aktiviti organisasi dan memastikan kebertanggungjawapan terhadap dana awam. Ini juga dapat membantu CENDANA bagi tujuan penyelidikan dan komunikasi bagi menunjukkan kesan-kesan program pembiayaan.

Bagaimanakah anda boleh memohon untuk Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA?

Anda boleh mengemukakan permohonan pembiayaan melalui sistem pengurusan dana atas talian CENDANA di www.cendana.com.my. Penyerahan kertas kerja melalui cara lain seperti e-mel, cetakan dan sebagainya **tidak** akan diterima.

Bilakah anda boleh memohon untuk Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA?

Kitaran Pembiayaan	Permohonan Dibuka	Tarikh Akhir Permohonan	Pemohon Dimaklumkan	Program Bermula
Kitaran Pembiayaan 1	28 Julai 2020	27 Ogos 2020	28 September 2020 seterusnya	Pertengahan Oktober 2020
Kitaran Pembiayaan 2	29 September 2020	28 Oktober 2020	27 November 2020 seterusnya	Disember 2020 seterusnya

TERMA RUJUKAN

Siapakah yang anda boleh menghubungi jika ada soalan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan, atau ingin membincangkan permohonan anda secara terperinci, sila emel grants@cendana.com.my

Apakah yang akan berlaku selepas anda menghantar permohonan?

- Setelah tarikh permohonan tutup, semua permohonan akan diselaraskan untuk memastikan projek memenuhi kriteria kelayakan dan dokumen sokongan yang relevan telah diserahkan.
- Semua aplikasi dinilai dan diluluskan melalui proses penilaian yang sangat kompetitif.
- Permohonan yang menepati semua terma dan syarat akan dimajukan ke proses penilaian yang akan dinilai oleh **Panel Penasihat Industri** CENDANA yang terdiri daripada penasihat industri, pakar dan pengamal seni, yang kemudian ditentukan oleh sistem pemarkahan yang wajar berpandukan kriteria penilaian yang telah ditetapkan.
- Permohonan yang mempunyai nilai markah tinggi akan dinilai dan diluluskan oleh Pihak Pengurusan MyCreative Ventures Sdn. Bhd.
- Semua maklumat kertas cadangan yang dikemukakan kepada CENDANA adalah peribadi dan sulit. Ahli Panel Penasihat CENDANA akan terikat dengan perjanjian untuk tidak mendedahkan sebarang maklumat dan juga telah mengisytiharkan tiada sebarang konflik kepentingan sebelum menilai sebarang kertas cadangan.
- Keputusan penilaian akan dihantar melalui e-mel pengesahan dalam masa tidak lebih dari enam (6) minggu selepas tarikh tutup permohonan.

Apakah yang akan menjejaskan permohonan anda?

Permohonan yang tidak mempunyai dokumentasi yang mencukupi selepas penyerahan akan mengakibatkan permohonan tidak lengkap dan tidak akan dimajukan untuk penilaian. Senarai dokumen yang diperlukan:

Jenis Permohonan
<p>Permohonan secara Individu/ Kolektif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Kad Pengenalan MyKad - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama <p>Permohonan secara Pertubuhan/ Organisasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Salinan Kad Pengenalan MyKad* - salinan jelas kedua-dua imej belakang dan depan pada halaman A4 yang sama; (*<i>pengarah/ pemilik organisasi atau presiden pertubuhan yang mempunyai kuasa untuk menandatangani dokumen bagi pihak organisasi</i>) • Salinan borang pendaftaran syarikat - Borang 9 (Borang SSM), Borang 24 atau 49, senarai pengarah/pemegang amanah, surat kebenaran, senarai ahli jawatankuasa (jika berkenaan);
Dokumen Sokongan

TERMA RUJUKAN

- Templat bajet dengan jadual projek/ aktiviti (*templat disediakan dalam borang permohonan*)
- Surat Pengesahan Tempat/Ruang (bukti tempahan jika anda menganjurkan acara/ persembahan/ program)
- Surat Jemputan (jika anda dijemput untuk mengambil bahagian/ membuat persembahan di peringkat tempatan atau antarabangsa)
- Profil/ CV/ Biografi untuk SEMUA artis/ kolaborator/ organisasi yang terlibat dalam projek
- Kertas Cadangan (jika ada)
- Sebarang bahan sokongan lain atau contoh kerja yang berkaitan dalam format digital (jika ada) iaitu imej visual, video, pautan web dan sebagainya

Apakah yang berlaku selepas permohonan dinilai?

Permohonan yang berjaya

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan melalui emel rasmi dengan Surat Tawaran yang menyatakan:

- Jumlah dana Program Pembiayaan Seni Persembahan Seni CENDANA yang diluluskan;
- Terma dan Syarat Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA;
- Matlamat pencapaian.

Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA akan sah hanya selama tiga puluh (30) hari dari tarikh emel makluman rasmi. Sekiranya anda tidak menerima tawaran ini, tawaran ini akan luput.

Permohonan yang tidak berjaya

Pemohon yang tidak berjaya akan dimaklumkan melalui emel rasmi dalam tempoh pemberitahuan yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak dapat menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

Nota berkaitan garis panduan Program Pembiayaan Seni Persembahan CENDANA

Disamping kami mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang tidak:

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

TERMA RUJUKAN

CENDANA berhak membatalkan sebarang permohonan sekiranya terdapat:

- Perubahan skop projek tanpa memberitahu dan mendapatkan kelulusan dari CENDANA;
- Merendahkan atau merosakkan reputasi CENDANA secara langsung atau tidak langsung;
- Tidak dapat melengkapkan projek itu mengikut cadangan yang dikemukakan;
- Melanggar terma dan syarat yang dinyatakan dan dipersetujui dalam perjanjian Program Pembiayaan.

TENTANG CENDANA

CENDANA (Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya) adalah sebuah agensi kerajaan yang dilancarkan secara rasmi pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, seterusnya meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia untuk membantu membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni dan meletakkan Malaysia secara strategik di pentas global. Ia disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melaporkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my